

# Peluang Malaysia fahami situasi terkini isu perang Palestin-Israel

Perdana Menteri  
ikrar sokong  
peranan Qatar  
sebagai jambatan  
diplomatik

Daripada  
Adha Ghazali



di Doha

**Kehadiran** Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Qatar membawa makna cukup besar dalam konteks konflik Palestin-Israel, terutama untuk membantu Malaysia memahami kedudukan terkini, termasuk situasi sebenar perkembangan di negara yang terkesan akibat kejayaan Zionis itu.

Ia mengambil kira peranan amat signifikan dimainkan Qatar, terutama sebagai jambatan diplomatik dalam mendepani isu berkenaan, termasuk sebagai mediator utama perang di Gaza antara Israel dan Palestin.

Sudah tentu, pertemuan Perdana Menteri bersama rakan sejawatnya yang juga Menteri Luar Qatar, Sheikh Mohammed bin Abdulrahman bin Jassim Al Thani akan menjadi antara tumpuan utama berkisar kepada konflik terbabit, selepas kali terakhir kedua-duanya bertemu ketika lawatan rasmi Anwar ke Riyadh sebelum ini.

Duta Besar Malaysia ke Qatar, Zamshari Shaharan mengakui Qatar sebuah negara penting di pentas dunia, terutama dengan situasi di Gaza, yang mana Doha sendiri terbabit secara langsung dalam proses rundingan.

"Qatar cuba memainkan peranan sebagai mediator dan mereka percaya pada dialog. Justeru, (Qatar) cuba anjur dialog, bercakap (berbincang) dan cari jalan penyelesaian ke arah gencatan senjata kekal.

"Melalui dasar pencegahan secara diplomasi (dimainkan Qatar), mungkin ada sesuatu yang Malaysia akan dapat... bukan *mileage* (habuan), tetapi kita nak lihat satu jalan penyelesaian (dalam isu konflik Palestin-Israel)," katanya kepada media Malaysia, di sini.

## Bantuan Malaysia di Gaza

Perdana Menteri mengisi jadual cukup padat dalam lawatan rasminya ke Qatar bermula malam tadi, termasuk dalam kerangka Forum Ekonomi Doha (DEF) 2024 atas jemputan Emir Qatar, Sheikh Tamim Hamad Al Thani.

Sebelum ini ketika menghadiri Forum Khas Ekonomi Dunia (WEF) di Riyadh, Anwar berikrar menyokong peranan dimainkan Qatar sebagai orang tengah dalam isu Palestin.

Beliau turut memaklumkan Malaysia terbabit dalam usaha menyalurkan sokongan kemanusiaan ke Gaza dan setakat ini sudah menerbangkan 100 tan barangan keperluan untuk membantu penduduk Gaza, 20 tan melalui laut dan mengagihkan 1,500 tan melalui pertubuhan bukan

kerajaan (NGO) dari Malaysia.

Doha menjadi penghubung berbagai pihak khususnya antara Hamas dan Israel dengan kemampuan Qatar yang bersahabat dengan banyak pihak menjadi modal utama kejayaan diplomasinya, termasuk sebagai mediator kesepakatan antara Hamas dan Israel.

Ketika ini, ada 120 kedutaan asing di Qatar, jumlah yang cukup tinggi bagi sebuah negara kecil yang merekodkan pendapatan perkapita tertinggi di dunia.

Konflik Palestin-Israel sehingga kini meragut lebih 34,000 nyawa dengan konflik melanda belum menampakkan hasil positif ke arah gencatan senjata segera dan berkekalan.

Terkini, Malaysia melalui kenyataan dikeluarkan Wisma Putra memaklumkan akan meneruskan usaha ke arah penubuhan negara Palestin merdeka dan berdaulat berdasarkan sempadan pra-1967 dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negaranya, serta kemasukan Palestin sebagai Anggota Penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Wisma Putra juga berkata, Malaysia mengalu-alukan Resolusi Perhimpunan Agung PBB yang menggesa Majlis Keselamatan PBB menimbang semula permohonan Palestin untuk diterima sebagai Anggota Penuh PBB selepas permohonan itu digagalkan satu undi veto bulan lalu.

Resolusi diluluskan ketika Sesi Kecemasan Khas Ke-10 di Perhimpunan Agung PBB pada Jumat lalu, disokong 143 negara, sembilan menentang dan 25 berkecuali.

Melalui dasar pencegahan secara diplomasi (dimainkan Qatar), mungkin ada sesuatu yang Malaysia akan dapat... bukan *mileage* (habuan), tetapi kita nak lihat satu jalan penyelesaian (dalam isu konflik Palestin-Israel)

Zamshari Shaharan,  
Duta Besar Malaysia ke Qatar

